



**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH
MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK WILAYAH
PERSEKUTUAN
25 JULAI 2023**

**25 JULAI 2023 (SELASA), 8.00 MALAM
HOTEL EVERLY, PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih Pengacara Majlis.

**Yang Berbahagia Datuk Seri
Sollehuddin Alyubi Zakaria
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Hajah
Rosida Jaafar
Ketua Pengarah
Jabatan Wilayah Persekutuan**

**Yang Berbahagia Datuk
Kamarulzaman Mat Salleh
Datuk Bandar Kuala Lumpur**

**Yang Berbahagia Dato'
Townplanner Fadlun Mak Ujud
Presiden
Perbadanan Putajaya**

**Yang Berusaha Tuan Haji Rithuan
Hj Mohd Ismail
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Labuan**

**Yang Diraikan Para Penerima
Watikah Majlis Perwakilan
Penduduk Wilayah Persekutuan**

Seterusnya Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Alhamdulillah, kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T di atas limpah keizinan dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama menghadiri Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Majlis

**Perwakilan Penduduk Wilayah
Persekutuan (MPPWP) sesi
2023/2024 yang diadakan pada
malam berbahagia ini di Hotel
Everly, Putrajaya.**

**2. Terlebih dahulu saya ingin
merakamkan ucapan terima kasih
kepada Jabatan Wilayah
Persekutuan kerana menjemput
saya dan terima kasih juga kepada
semua ahli MPPWP kerana dapat
hadir bagi menjayakan majlis kita
pada hari ini.**

3. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua atas sokongan kuat terhadap program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bersama agensi-agensi di bawahnya iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL).

TANGGUNGJAWAB DAN PERANAN MPPWP

Para hadirin yang dikasihi,

4. Kita mengetahui bahawa Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di Wilayah Persekutuan adalah merupakan satu fungsi penting dalam jentera Kerajaan Tempatan yang bertindak sebagai penghubung langsung dengan komuniti setempat dalam apa ju perkara pentadbiran dan pengurusan yang berkaitan.

5. Dari segi sejarah penubuhannya pula, MPPWP yang mula ditubuhkan pada tahun 2010 adalah bertujuan mewujudkan satu jaringan komuniti setempat bagi mengeratkan silaturrahim, mengukuhkan ukhwah serta melaksanakan aktiviti masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan latar belakang untuk bersedia mengharungi era digitalisasi dan globalisasi yang kian mencabar.

6. Sejarah lalu merekodkan suatu ketika kepimpinan MPPWP ini pernah diterajui oleh para profesional yang bukan sahaja melaksanakan tanggungjawab secara cekal dan bersistematik bahkan berjaya memenuhi amanah masing-masing dengan cemerlang yang dipersembahkan melalui pelaporan berkala yang baik dan tepat pada masanya.

**7. Saya yakin dan percaya,
barisan MPPWP yang dilantik pada
kali ini juga akan mempamerkan
tahap keseungguhan dan
komitmen yang sama meskipun
rata-rata daripada kita bukanlah
berlatar usul seperti komposisi
profesional yang disebutkan tadi.**

**8. Saya juga yakin, para
MPPWP pada sesi ini akan
menumpukan sepenuh komitmen
di peringkat akar umbi untuk
memastikan segala dasar, strategi**

dan program Kerajaan terlaksana dengan cemerlang memenuhi keperluan dan ekspektasi rakyat di Wilayah Persekutuan.

9. Segala tugas yang diamanahkan kepada semua perwakilan harus ditunjangi dengan ikhlas, beramanah dan diusahakan secara optimum bagi membuaikan hasil yang substantif. Antara tugas MPPWP adalah bagi membantu menyampaikan perkhidmatan

**secara berterusan di samping
melaksanakan program
kemasyarakatan dan
pembangunan modal insan di
Wilayah Persekutuan.**

PEMBERDAYAAN MPPWP DALAM AGENDA MALAYSIA MADANI

**Para hadirin yang dikasih
sekalian,**

**10. Sejurus mengangkat
sumpah sebagai Perdana Menteri**

pada tahun lalu, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan gagasan Malaysia MADANI. Apa itu Madani? Ia merujuk kepada pembinaan sebuah kumpulan masyarakat yang maju dari segi kerohanian, pemikiran dan juga kebendaan.

11. Ini bermaksud, YAB Perdana Menteri amat memfokuskan kepada bukan sahaja pembangunan fizikal, tetapi juga usaha pengislahan

iaitu penambahbaikan untuk kebaikan dalam konteks karamah insaniah atau pun mengangkat martabat dan kemuliaan insan.

12. Dalam hal ini, YAB Perdana Menteri amat menekankan kepada soal kebajikan dan kehidupan masyarakat di bandar-bandar besar khususnya di Wilayah Persekutuan.

13. Apatah lagi menurut laporan firma-firma perunding

global seperti Deloitte dan PricewaterhouseCoopers telah menjangkakan *urbanisation* atau penghijrahan dari penduduk luar bandar ke bandar akan menjadi semakin ketara menjelang tahun 2030.

14. Menurut data Bank Dunia, sehingga kini, lebih 56 peratus penduduk dunia atau 4.4 bilion orang tinggal di bandar-bandar. Bank Dunia turut menjangkakan jumlah ini akan meningkat sekali

ganda menjelang tahun 2040 dengan 7 daripada 10 orang akan tinggal di bandar berbanding di desa dan kampung di luar bandar.

15. Hakikat ini memberi satu realiti kepada kita bahawa usaha menguruskan perbandaran dan memastikan kebajikan dan kehidupan masyarakat di bandar sebenarnya menjadi semakin kritikal dan mencabar.

16. Dalam hal ini, fungsi dan peranan MPP dalam pembangunan masyarakat MADANI adalah amat signifikan sebagai suara penghubung di antara Kerajaan dan masyarakat di Wilayah Persekutuan. MPP tidak hanya berfungsi sebagai entiti rasmi yang dilantik, lebih dari itu, MPP harus bertindak umpama rumah api atau *light house* dalam lautan karenah masyarakat yang penuh gelora dan cabaran.

17. Justeru, MPPWP sebagai rujukan utama dalam konteks pembangunan masyarakat, dibantu dengan kepimpinan saudara dan saudari yang diyakini oleh para penduduk setempat, akan membantu dalam pendaungan upayaan masyarakat ke arah mencapai nilai kemampanan dan kesejahteraan dalam agenda Malaysia MADANI berdasarkan komposisi yang dinamik berpandukan representasi zon yang diwakili.

18. Dinamika komposisi MPPWP

ini bersifat inklusif yang mengambil kira tujuan representasi dan kriteria tertentu meliputi pelbagai kaum, jantina dan latar belakang.

19. Untuk makluman hadirin semua, pelantikan ahli MPPWP bagi tahun 2023/2024 melibatkan 13 zon dan 77 sub-zon dalam 13 kawasan Parlimen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

MEMANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL DALAM PELAKSANAAN TUGAS SEBAGAI MPPWP

**Para hadirin yang dikasih
sekalian,**

20. Pembudayaan daya cipta atau inovasi merupakan salah satu nilai dalam Agenda Malaysia MADANI. Dalam hal ini, teknologi digital perlu dimanfaatkan sepenuhnya supaya setiap isu, aduan atau perkara-perkara yang

ingin disampaikan kepada masyarakat dapat disalurkan dengan cepat dan berkesan.

21. Pada hari ini, pelbagai aplikasi atau Apps yang semakin canggih berasaskan kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (A.I.) semakin tumbuh bagi cendawan. Apps ChatGPT sebagai contoh, berupaya untuk membantu kita menyediakan teks-teks ucapan, teks-teks mesej whatsapp atau SMS yang lebih teratur dan

sistematik untuk disampaikan atau disebarluaskan kepada para penduduk di bawah tanggungjawab MPP kita.

22. Bahkan, menerusi Apps A.I seperti ini juga, pelbagai gambar model manusia, model prototaip kenderaan atau mesin, foto sajian makanan, lukisan seni dan design dapur, ruang tamu, tandas dan pelbagai lagi dapat dihasilkan berdasarkan imaginasi kita yang dibentuk melalui *prompt* atau

**arahan bertulis kepada apps A.I.
tersebut.**

**23. Malah, baru sahaja
beberapa bulan lepas, Google
telah pun memperkenalkan satu
lagi Apps yang bernama Bard.
Google Bard ini yang membezakan
ia dengan ChatGPT, ialah ia
mampu memberikan jawapan
berdasarkan data yang lebih
pantas dan terkini, berbanding
ChatGPT yang terbatas maklumat
datanya sehingga tahun 2021**

sahaja. Malah menerusi Google Bard, arahan tidak diberikan menerusi tulisan sahaja, tetapi juga boleh diarahkan menerusi lisan juga! Maknanya kita hanya perlu cakap, dan jawapan panjang yang terperinci dan tuntas akan dikeluarkan.

24. Justeru, saya berharap para Ahli MPPWP dapat memanfaatkan kecanggihan teknologi pada hari ini untuk memastikan setiap dasar, program dan agenda

Kerajaan, dapat disalurkan dengan efisien kepada para penduduk di Wilayah Persekutuan.

MEMASTIKAN KERUKUNAN DAN KEHARMONIAN MASYARAKAT

Para hadirin sekalian,

25. Dalam kita mengejar pembangunan, jangan pula dilupakan sifat hormat menghormati sesama kita. Hormat ini juga merupakan nilai tonggak

dalam agenda Malaysia MADANI.
Agama kita semua menerapkan
sifat mulia tersebut, manakala
budaya kita menerapkan nilai
hormat menghormati sebagai satu
ajaran yang bersusur galur
daripada zaman kegemilangan
Melayu berkurni lamanya lagi.

26. Oleh itu, jangan jadikan
jawatan kita sebagai Ahli MPP ini
sebagai sebab untuk kita berlagak
atau bersifat sompong dengan
rakan-rakan kejiranan kita yang

lain, sebaliknya, jawatan yang digalas ini sebenarnya hendaklah menjadikan kita lebih tawaduk dan merendah diri kerana amanah yang dipikul pastinya akan dipertanggungjawabkan di akhirat kelak. Saya berharap sebagai ahli MPPWP, tuan-tuan dan puan-puan dapat menyemarakkan budaya saling menghormati ini terus subur dalam kalangan masyarakat ibarat seberkas serai yang bercambah sihat.

BERSIKAP IHSAN DALAM

PELAKSANAAN INISIATIF

Para hadirin sekalian,

27. Seterusnya saya ingin berpesan agar kita semua mempunyai sifat ihsan dalam perancangan inisiatif atau program melibatkan masyarakat.

Keihsanan ini bukan sahaja fokus kepada golongan yang susah dan kurang bernasib baik, tetapi memastikan isu-isu berkaitan

kebijakan dan keperluan asas rakyat dapat diberi perhatian secukupnya meliputi isu kesihatan, pendidikan anak-anak, gejala sosial, dan paling penting ialah menoktahkan kemiskinan tegar.

28. Usaha menoktahkan kemiskinan tegar ini seringkali meniti bibir YAB Perdana Menteri dalam apa sahaja ucapan, sama ada ketika di Kabinet atau ketika di mana-mana majlis melibatkan

rakyat. Ini menggambarkan komitmen menoktahkan kemiskinan tegar begitu dekat di hati beliau dan ini seharusnya kita sambut dengan penuh komited dan kesungguhan.

29. Pada kesempatan ini, saya ingin ucapkan setinggi tahniah di atas pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan kepada warga Wilayah Persekutuan, antaranya seperti:

(i) Mewujudkan perumahan mampu milik Residensi Wilayah (RW), Residensi Prihatin (RP), Council Home dan yang terkini pembangunan Kejiraninan MADANI di Kuala Lumpur;

(ii) Skim keusahawanan runcit bandar MyGrocer dan yang terkini SELERA@Wilayah;

(iii) Perkhidmatan klinik bergerak MyMedic;

(iv) Program padanan pekerjaan MyJob;

(v) Program Pembasmian Kemiskinan Tegar bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP); dan

(vi) Program-program sosio ekonomi lain yang dilaksanakan oleh semua PBT di WP melalui MPPWP.

PENUTUP

**Para hadirin yang dikasih
sekalian,**

**30. Saya tidak bercadang untuk
berucap panjang pada malam ini,
oleh yang demikian, saya ingin
merakamkan setinggi-tinggi
tahniah kepada tuan-tuan dan
puan-puan di atas pelantikan
sebagai ahli MPPWP bagi tahun
2023 – 2024.**

31. Semoga dengan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada tuan-tuan dan puan-puan yang dilantik ini akan dapat kita seiring sejalan membangunkan masa hadapan Wilayah Persekutuan yang progresif, makmur dan maju di persada dunia berpaksikan agenda Malaysia MADANI.

**Sekian. Wabillahitaufiq wal
hidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.
Terima kasih.**